



**Pertandingan Memasak Virtual NSM Pasangan Iubapa
dan Anak 2022**
Hidangan Sihat Keluarga oleh Anak-anak

4 Jun – 6 Ogos 2022

Penganjur
Pihak Pengurusan NSM Nutrition Roadshows 2.0
Persatuan Pemakanan Malaysia

Peraturan, Terma dan Syarat

Peraturan

- Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang tinggal di Malaysia. Peserta mestilah terdiri daripada sepasang ibu bapa dan anak. Kanak-kanak yang mengambil bahagian mestilah berumur 7-12 tahun.
- Kit pemula akan dipos terus ke alamat yang didaftarkan oleh peserta di Malaysia dengan syarat peserta melengkapkan alamat tersebut dalam Google Form. Sila berikan alamat pos yang tepat; Peti Surat (*PO Box*) tidak boleh digunakan.
- Semua peserta perlu memastikan semua maklumat yang diberikan melalui Google Form adalah lengkap dan tepat.
- Penyerahan video melalui Google Form mesti dilakukan pada atau sebelum 11:59 p.m. **7 Julai 2022**.

Terma dan syarat.

Pihak Pengurusan NSM Nutrition Roadshows 2.0:

- berhak menerbitkan/memaparkan nama, gambar dan maklumat peserta dalam media/penerbitan untuk Persatuan Pemakanan Malaysia;
- tidak akan bertanggungjawab atas kerugian, kerosakan atau kecederaan yang timbul dari dan semasa menyertai acara ini;
- berhak pada bila-bila masa untuk membatalkan atau menangguhkan acara ini;
- berhak pada bila-bila masa untuk mengubah, membuang, atau menambah terma dan syarat di sini tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
- berhak untuk menggantikan hadiah dengan mana-mana produk lain yang mempunyai nilai yang sama sekiranya mana-mana hadiah tidak tersedia atas sebarang sebab. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak dikembalikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau untuk sebarang hadiah lain.

- boleh pada bila-bila masa menangguhkan, membatalkan atau menghentikan pendaftaran peserta untuk acara ini atau kelayakan, sekiranya peserta memberikan sebarang maklumat yang tidak benar, tidak tepat, bukan terkini atau tidak lengkap, atau jika Penganjur mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat tersebut adalah tidak benar, tidak tepat, bukan terkini atau tidak lengkap.

Dengan menyertai acara ini, semua peserta bersetuju untuk mematuhi peraturan, terma dan syarat di sini.

Catatan: Dalam peraturan Facebook/Instagram, promosi ini sama sekali tidak ditaja, ditadbir, atau dikaitkan dengan Facebook/Instagram, Inc. Dengan menyertai aktiviti ini, semua peserta mengesahkan bahawa mereka melepaskan tanggungjawab daripada Facebook/Instagram dan bersetuju dengan terma penggunaan Facebook/Instagram.